

04 JUN 2002

Pokok-Industri

KEMPEN TANAM POKOK DIPERLUASKAN KE SEKTOR INDUSTRI

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Usaha menjadikan Malaysia Negara Taman akan diperluaskan kepada sektor industri apabila projek "Visi Industri: Mewujudkan Persekitaran Taman" dijangka dapat dilaksanakan tahun ini.

Projek itu akan dianjurkan bersama oleh Jabatan Lanskap Negara dan Kumpulan Penanam Pokok Persatuan Pencinta Alam Malaysia (TPG-MNS), kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Peter Chin Fah Kui pada persidangan media selepas merasmikan Forum Pokok 2002 hari ini.

Beliau berkata projek berkenaan akan mengambil masa tiga tahun sehingga 2005 dengan sasaran sejuta pokok akan ditanam di kawasan kilang serta perindustrian.

"Kita harap projek ini akan mencipta satu suasana yang lebih selesa dan elok bukan sahaja bagi pekerja dalam kilang atau kawasan perindustrian tetapi juga akan meningkatkan produktiviti pekerja," katanya.

Pengerusi TPG-MNS John Loh berkata, projek itu yang bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya pokok dalam kehidupan di kalangan warga industri, diharapkan dapat menanam purata 1,000 pokok setiap hari di seluruh negara.

Semasa berucap, Peter Chin berkata sehingga akhir tahun lepas sebanyak 3.45 juta pokok ditanam di seluruh negara menerusi kempen menanam pokok yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1997.

Sasaran kempen itu ialah bagi menanam tiga juta pokok pada tahun 2000 dan 20 juta pokok menjelang 2020.

"Pokok yang ditanam dengan teratur bukan sahaja meningkatkan kualiti lanskap dan keindahan sesuatu tempat, tetapi juga menghasilkan suasana hidup yang sihat dan selesa yang boleh meningkatkan kualiti dan produktiviti hidup," katanya.

Beliau berkata kajian mendapati satu hektar kawasan yang ditanam dengan pelbagai jenis pokok mampu menyerap 900kg karbon dioksida dan mengeluarkan 600kg oksigen sehari manakala 500,000 pokok mampu menyerap 6,500 tan habuk setahun.

-- BERNAMA

RZS HK ROS